910/3

STPM 2024

SKEMA JAWAPAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN STPM

BAHASA MELAYU

KERTAS 3

MAJLIS PEMUAFAKATAN PENOLONG KANAN TINGKATAN ENAM

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

12 Rangkai kata yang manakah yang mengandungi makna denotatif dan makna konotatif?

I Otak kapur
II Cuci tangan
III Nasi tambah
IV Telinga kucing

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

13 Pernyataan yang manakah **tidak** benar mengenai rajah segi tiga semiotik Odgen dan Richard?

A Rujukan ialah benda atau perkara yang dirujuk.
B Perkataan atau lambang menggambarkan sesuatu konsep.
C Hubungan antara lambang dengan rujukan bersifat arbitrari.
D Perkataan dengan benda atau rujukan mempunyai hubungan langsung.

14

I	Mak Minah menggunakan *kepala* santan untuk bahagian atas kuih itu.
II	Haslin tidak satu *kepala* dengan abangnya dari dulu lagi.

Apakah perkaitan makna dari segi perkataan yang dicondongkan dalam ayat I dan II di atas?

A Polisemi
B Hiponim
C Sinonim
D Homonim

15 Ayat yang manakah yang mengandungi perkataan yang mengalami penyempitan makna?

I Kitab itu ditulis oleh seorang ulama terkenal.
II Saudara Husinlah yang membantu kami untuk membina laman sesawang itu.
III Hariz telah menyertai klinik bola sepak anjuran Kelab Bola Sepak Perak semalam.
IV Pegawai agama sering melakukan rondaan untuk mencegah kes khalwat di kawasan - kawasan tertentu.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

16 X ialah cabang ilmu yang mengkaji makna ujaran berdasarkan konteks budaya sesuatu masyarakat, X ialah

A semantik

B pragmatik

C paralinguistik

D makna leksikal

17

X	Melakukan pekerjaan yang memang digemari
Y	Berbuat sesuatu pekerjaan yang menyalahi peraturan

Peribahasa yang manakah yang betul untuk maksud *X* dan *Y*?

	X	*Y*
A	Seperti biduk dikayuh ke hilir	Ada tangga tetapi memanjat tiang
B	Hendak seribu daya tak hendak seribu dalih	Ikan di hulu tuba di hilir
C	Di mana bunga kembang di situ kumbang banyak	Jangan menumbuk di periuk, bertanak di lesung
D	Tiada raja menolak sembah	Menghubung nak panjang, menyebar nak lebar

18 Peribahasa yang manakah yang mempunyai erti selapis?

I Bagai udang di sebalik batu

II Sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan

III Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah

IV Seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

A I dan II

B I dan III

C II dan III

D II dan IV

19

Sinaran bulan indah bercahaya,
Menyinari fana setiap malam;
Amboi, sudah tua masih bergaya,
Hati muda tak pernah padam.

Pantun di atas memperlihatkan ragam

A bahasa naik

B bahasa sindiran

C bahasa tempelak

D bahasa menggiat

20

Mohammad Ariff Aiman bin Mohamad Zaki berkelulusan dalam bidang kejuruteraan. Beliau telah dilantik sebagai Senator Dewan Negara. Beliau juga telah menunaikan fardu haji pada tahun 2023.

Rujukan hormat bagi Mohammad Ariff Aiman bin Mohamad Zaki ialah

A Yang Berhormat Senator Ir. Haji Mohammad Ariff Aiman bin Mohamad Zaki

B Yang berhormat Senator Haji Ir. Mohammad Ariff Aiman bin Mohamad Zaki

C Yang Berhormat Ir. Senator Haji Mohammad Ariff Aiman bin Mohamad Zaki

D Yang Berhormat Ir. Haji Mohammad Ariff Aiman bin Mohamad Zaki

Bahagian B : [*45 markah*]

Jawab **semua** *soalan. Tulis jawapan dalam ruang yang disediakan.*

21

Rendang tok ialah makanan tradisional negeri Perak. Rendang ini dimasak sehingga kuahnya kering dan dagingnya empuk. Juadah ini juga sering disajikan semasa perayaan hari raya dan kenduri kahwin.

(a) Berdasarkan petikan di atas, adakah petikan tersebut merupakan sebuah wacana yang utuh? Berikan alasan anda. [3]

……

……

……

(b)

Landak mempunyai duri yang tajam untuk melindungi diri daripada pemangsa. __X__, landak mampu menggulungkan badan untuk mempertahankan diri.

(i) Apakah jenis penanda wacana penghubung yang sesuai bagi X dalam petikan di atas?

……..[1]

(ii) Berikan satu contoh penanda wacana penghubung yang sesuai untuk X.

……..[1]

5

22

Penulis memaparkan keindahan sesebuah kawasan pelancongan.

(a) Apakah retorik yang paling sesuai digunakan oleh penulis itu?

.....[1]

(b) Nyatakan dua ciri retorik yang terdapat dalam petikan

Malaysia mempunyai banyak tempat yang indah, menarik, dan bersejarah untuk dikunjungi oleh para pelancong. Para pelancong pasti akan tertawan oleh keindahan pantai, kehijauan alam sekitar, dan tempat bersejarah yang terdapat di negara ini. Pulau Langkawi, Pulau Pangkor, dan Pulau Tioman antara pulau yang indah di negara ini. Dengan adanya pulau yang cantik dan bangunan atau tempat bersejarah itu, sudah pasti Malaysia akan menjadi pilihan utama pelancong serata dunia.

(i).....[1]

(ii).....[1]

3

23 (a) Jelaskan konsep teknik *deduksi*. [1]

.....

.....

(b) Bina satu wacana yang bertemakan *banjir kilat* dengan menggunakan teknik deduksi. Panjang wacana mestilah **tidak** melebihi 40 patah perkataan. [3]

.....

.....

.....

.....

4

24

Variasi bahasa P	*Variasi bahasa Q*
Ah Kam selupa adik sama saya. Itu olang punya anak selupa anak saya juga.	Ampun tuanku, sewaktu duli tuanku bersiram itu tadi, patik menghiris sayur lalu terhirislah hujung jari patik.

Apakah variasi bahasa *P* dan *Q*

(a) P: .....[1]

(b) Q: .....[1]

2

25

Adik : Abang, kau dah main *game* baru tu belum?

Abang : *Game* apa tu? Aku tak sempat tengok lagi.

Adik : Ala, yang semua orang dok cakap tu, "*Legend of the Dragon*". *Best* gila bang!

Abang : Oh, yang tu! Grafik dia *power*. Aku baru *level* 5. Mampus nak kalahkan bos *level* 5 tu.

Adik : Biasalah. Ko kena *try* banyak kali. *Upgrade weapon* kau dulu.

Apakah ciri-ciri variasi bahasa yang terdapat dalam petikan di atas?

(a) .....[1]

(b) .....[1]

2

Kunci Jawapan Soalan Peperiksaan Percubaan Bahasa Melayu Semester 3 Tahun 2024

Bahagian A [20 *markah*]

No	Kunci jawapan	No	Kunci jawapan
1	B	11	A
2	D	12	C
3	C	13	D
4	B	14	A
5	D	15	B
6	B	16	B
7	A	17	A
8	C	18	C
9	D	19	D
10	C	20	A

A=5

B=5

C=5

D=5

27 (a) Berikan definisi laras bahasa. [1]

…….....

……

(b) Nyatakan dua ciri laras bahasa undang-undang.

(i)…….

……....[1]

(ii)…….....

……..……...[1]

(c) Bina satu wacana yang menunjukkan ciri laras bahasa ekonomi. Panjang wacana hendaklah tidak melebihi 30 patah perkataan. [3]

…….

…….

Skema jawapan

(a) (i) Laras bahasa ialah pemakaian kata-kata tertentu yang sesuai dengan konteks [1]

(ii) Gaya atau cara penggunaan sesuatu bahasa [1]

(iii) Digunakan oleh penutur berdasarkan situasi tertentu [1]

(iv) Ciri khusus dalam penggunaan bahasa berdasarkan bidang penggunaannya[1]

Catatan: Pilih mana-mana satu jawapan di atas.

(b) (i) Tiada gambar, graf, unsur metafora, peribahasa, kiasan dan sebagainya[1]

(ii) Mementingkan kepersisan, keobjektifan, kejelasan, dan keterperincian[1]

(iii) Mempunyai cara pembahagian tertentu, seperti seksyen, subseksyen, perkara, fasal dan sebagainya[1]

(iv) Menggunakan sistem penomboran[1]

(v) Mempunyai nota tepi[1]

(vi) Mengandungi rujuk/rujukan silang[1]

Catatan: Pilih mana-mana dua jawapan di atas.

(c) Kadar inflasi negara mencatat kenaikan sebanyak 3.5% pada suku ketiga tahun ini. Kenaikan ini disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan tenaga. Defisit fiskal dijangka berkurangan daripada KDNK pada tahun hadapan. (30 patah perkataan)

Jumlah markah: 6 markah

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Semester 3 · 10 subjek (2024)

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM24.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta